

# KERENDAHAN TAHAP KESEDARAN POLITIK RAKYAT

KITA berasa terkejut dan bimbang dengan pendedahan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Ab. Rashid Ab. Rahman bahawa 80 peratus daripada 4.9 juta rakyat Malaysia yang masih belum mendaftar sebagai pengundi adalah orang Melayu.

Bagi kita, ia menunjukkan kerendahan tahap kesedaran politik di kalangan orang Melayu dan ini boleh mendatangkan implikasi tidak sihat kepada negara.

Kita wajar ingat bahawa kedudukan politik negara ditentukan oleh rakyatnya. Suara rakyat ini pula disalurkan melalui aktiviti politik, yang mana dalam sistem demokrasi, tahap asas ialah mendaftar sebagai pengundi.

Sememangnya dalam sistem demokrasi kita tidak wajar memaksa sesiapa untuk mendaftar sebagai pengundi. Ini adalah selaras dengan semangat demokrasi yang memberi kebebasan kepada warganegara untuk menjadi pengundi atau tidak.

Tetapi sistem demokrasi yang sihat menghendaki penglibatan sebanyak mungkin warganegara. Dalam konteks Malaysia pula, keseimbangan kaum amat penting dan jumlah peratus bagi pendaftaran wajar juga mencerminkan komposisi etnik.

Dengan 80 peratus daripada rakyat Malaysia yang tidak berdaftar sebagai pengundi menampikan ketidakseimbangan kurang sihat.

Sebenarnya, mendaftar sebagai pengundi hanyalah langkah asas dalam penglibatan proses demokrasi negara. Banyak lagi tahap-tahap lain yang perlu disertai oleh warganegara untuk melibatkan diri dalam proses demokrasi.

Langkah mendaftar saja tidak mencukupi. Ia juga mesti dituruti dengan mengikuti perkembangan politik negara dan akhirnya membuang undi dalam pilihan raya secara sedar serta bertanggungjawab. Maknanya, apabila seseorang itu mengundi, mereka mengambil berat tentang maklu-

mat politik dan membuat keputusan berasaskan kepada kepentingan negara.

Selain itu, negara juga memerlukan warganegara yang cukup banyak untuk aktif dalam politik. Iaitu di peringkat ahli politik hinggalah kepada aktivis-aktivis yang menggerakkan parti-parti politik atau badan-badan berkaitan dengan isu semasa.

Kesemua aktivisme dan dinamisme berpolitik ini hanya dapat diwujudkan jika terdapat iklim kesedaran ketatanegaraan yang optimum dalam masyarakat. Hanya pemikiran, perbincangan dan kegiatan politik sihat ini akan menghasilkan isu-isu bernas dalam kempen-kempen pilihan raya, baik kecil mahupun umum.

Dalam hal ini, kita percaya semua pihak yang faham tentang kepentingan kesedaran politik wajar memberi sumbangan untuk menyemai iklim ketatanegaraan di kalangan masyarakat, khususnya di kalangan generasi muda.